

Bil. S 9

**PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))**

**PERINTAH AUTORITI KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR
KEBANGSAAN, 2018**

SUSUNAN BAB-BAB

Bab

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang
2. Tafsiran

BAHAGIAN 2

AUTORITI

3. Penubuhan Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan
4. Meterai biasa
5. Jawatankuasa
6. Pewakilan kuasa

BAHAGIAN 3

TUGAS DAN KUASA

7. Tugas Autoriti
8. Kuasa Autoriti
9. Arahan oleh Menteri

BAHAGIAN 4

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN KAKITANGAN

10. Lantikan Ketua Pegawai Eksekutif

11. Pengambilan kerja kakitangan
12. Perlindungan daripada liabiliti diri
13. Kakitangan kerajaan

BAHAGIAN 5

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

14. Dana Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan
15. Tujuan Dana
16. Bantuan
17. Kuasa menerima pemberian
18. Kuasa meminjam dan melaburkan
19. Laporan tahunan
20. Peruntukan-peruntukan kewangan lain

BAHAGIAN 6

AM

21. Kesahan perbuatan dan transaksi Autoriti
22. Memelihara kerahsiaan
23. Pindaan Jadual
24. Peraturan-peraturan
25. Peruntukan peralihan dan perkecualian
26. Pindaan berbangkit

JADUAL 1 — KUASA AUTORITI

JADUAL 2 — PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

**JADUAL 3 — PINDAAN BERBANGKIT KEPADA UNDANG-UNDANG
BERTULIS LAIN**

PERLEMBAGAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
(Perintah dibuat di bawah Perkara 83(3))

**PERINTAH AUTORITI KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR
KEBANGSAAN, 2018**

Pada menjalankan kuasa yang diberikan oleh Perkara 83(3) dari Perlembagaan Negara Brunei Darussalam, maka Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan ini membuat Perintah yang berikut —

BAHAGIAN 1

PERMULAAN

Gelaran, permulaan kuat kuasa dan gelaran panjang

1. (1) Perintah ini boleh digelar sebagai Perintah Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan, 2018 dan hendaklah dianggap telah mula berjalan kuat kuasanya pada 1hb April 2017.

(2) Gelaran panjang Perintah ini adalah “Suatu Perintah untuk menubuhkan dan memperbadankan Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan dan untuk mengadakan peruntukan bagi segala perkara yang berhubungan atau bersampingan dengannya”.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika maksudnya berkehendakkan makna yang lain —

“Autoriti” bermakna Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan yang ditubuhkan oleh bab 3;

“Ketua Pegawai Eksekutif” bermakna Ketua Pegawai Eksekutif Autoriti yang dilantik di bawah bab 10 dan termasuk mana-mana orang yang bertindak atas sifat itu;

“Dana” bermakna Dana Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan yang ditubuhkan oleh bab 14;

“Menteri” bermakna Menteri yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan Perintah ini.

BAHAGIAN 2

AUTORITI

Penubuhan Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan

3. Maka dengan ini ditubuhkan suatu badan yang akan dikenali sebagai Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan yang menjadi suatu badan korporat yang kekal turun-temurun dan mempunyai meterai biasa dan dengan nama itu, boleh —

(a) mendakwa dan didakwa;

(b) memperoleh, memiliki, memegang, memajukan atau melupuskan harta, baik harta alih mahu pun harta tak alih; dan

(c) melakukan semua perbuatan atau perkara lain sebagaimana yang mungkin dilakukan secara sah oleh suatu badan korporat.

Meterai biasa

4. (1) Autoriti hendaklah mempunyai suatu meterai biasa dan meterai tersebut boleh ditukar, diubah atau dibuat baharu sebagaimana yang difikirkan patut oleh Autoriti.

(2) Semua surat ikatan dan dokumen lain yang menghendaki meterai Autoriti hendaklah dimeterai dengan meterai biasa Autoriti.

(3) Semua surat cara yang dibubuh dengan meterai biasa itu hendaklah ditandatangani oleh mana-mana dua orang ahli yang diberi kuasa pada amnya atau khasnya oleh Autoriti bagi maksud itu.

(4) Autoriti boleh, dengan ketetapan atau pun selainnya secara bertulis, melantik seorang pegawai Autoriti atau mana-mana orang lain sama ada pada amnya atau dalam sebarang hal tertentu untuk melaksanakan atau menandatangani bagi pihak Autoriti apa-apa perjanjian atau surat cara lain yang tidak dimeterai berhubung dengan apa-apa perkara dalam kuasa Autoriti.

(5) Semua mahkamah, hakim dan orang yang bertindak secara kehakiman hendaklah memberi pengiktirafan kehakiman kepada meterai biasa Autoriti yang dibubuh pada mana-mana dokumen dan hendaklah menganggap bahawa ia telah sempurna dibubuh.

Jawatankuasa

5. (1) Autoriti boleh, atas budi bicaranya, melantik satu atau lebih jawatankuasa bagi maksud-maksud yang, pada pendapat Autoriti, akan dikawal selia dan diurus dengan lebih baik lagi oleh jawatankuasa-jawatankuasa tersebut.

(2) Autoriti boleh menentukan atau mengubah bidang tugas jawatankuasa-jawatankuasa itu.

(3) Tertakluk kepada Perintah ini dan kawalan Autoriti, tiap-tiap jawatankuasa boleh mengawal selia prosedurnya mengikut cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh jawatankuasa itu.

Pewakilan kuasa

6. (1) Autoriti boleh, berkaitan dengan suatu perkara atau jenis perkara tertentu, secara bertulis, mewakilkan mana-mana kuasanya kepada seorang pegawai Autoriti.

(2) Setiap pegawai Autoriti yang dikatakan bertindak menurut pewakilan di bawah bab ini hendaklah, sekiranya tidak ada bukti yang bertentangan, dianggap sebagai bertindak menurut terma-terma pewakilan itu.

(3) Tiada pewakilan di bawah bab ini boleh menghalang penjalanan mana-mana kuasa Autoriti di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain.

BAHAGIAN 3

TUGAS DAN KUASA

Tugas Autoriti

7. (1) Tugas-tugas Autoriti hendaklah termasuk —

(a) bertindak sebagai Autoriti untuk mengawal selia berkenaan dengan perkara keselamatan dan kesihatan, alam sekitar dan radiasi tempat kerja;

(b) menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan mengenai keperluan dan dasar kebangsaan berkenaan dengan perkara keselamatan dan kesihatan, alam sekitar dan radiasi tempat kerja;

(c) bekerjasama, dalam melaksanakan tugas-tugasnya, dengan badan awam lain yang mempunyai tugas-tugas yang sama atau berkaitan;

(d) menjalankan pelesenan, pemberian perkhidmatan konsultansi dan penggalakan profesionalisme berhubung dengan perkara mengenai keselamatan dan kesihatan, alam sekitar dan radiasi tempat kerja;

(e) menasihati dan membuat syor kepada Kerajaan mengenai perkara, langkah dan peraturan-peraturan yang berkaitan atau berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan, alam sekitar dan radiasi tempat kerja;

(f) mewakili Kerajaan di peringkat antarabangsa mengenai perkara yang berkaitan atau berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan, alam sekitar dan radiasi tempat kerja;

(g) melakukan semua perkara lain sebagaimana yang mungkin bersampingan dengan atau berbangkit selepas pelaksanaan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain.

(2) Sebagai tambahan kepada tugas-tugas yang dikenakan oleh bab ini, Autoriti boleh menjalankan tugas lain sebagaimana yang mungkin diberikan oleh Menteri kepada Autoriti, dan dalam berbuat demikian —

(a) Autoriti hendaklah dianggap telah melaksanakannya bagi maksud-maksud Perintah ini;

(b) peruntukan-peruntukan Perintah ini hendaklah dikenakan kepada Autoriti berkenaan dengan tugas-tugas itu.

(3) Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh ditafsirkan sebagai mengenakan kepada Autoriti, secara langsung atau tidak langsung, apa-apa bentuk kewajipan atau liabiliti yang boleh dikuatkuasakan dengan prosiding di hadapan mana-mana mahkamah.

Kuasa Autoriti

8. (1) Tertakluk kepada Perintah ini, Autoriti boleh menjalankan aktiviti-aktiviti sebagaimana yang pada pendapat Autoriti sebagai berfaedah, perlu atau bersampingan baginya untuk menjalankan bagi atau berhubung dengan pelaksanaan tugas-tugas dan kewajipan-kewajipannya di bawah Perintah ini atau sebarang undang-undang bertulis lain, dan terutamanya, Autoriti boleh menjalankan mana-mana kuasa yang dinyatakan dalam Jadual 1.

(2) Bab ini tidak boleh ditafsirkan sebagai mengehadkan mana-mana kuasa Autoriti sebagaimana yang mungkin diberikan oleh atau di bawah sebarang undang-undang bertulis lain.

Arahan oleh Menteri

9. (1) Menteri boleh memberikan kepada Autoriti arahan, yang tidak bertentangan dengan peruntukan-peruntukan Perintah ini, sebagaimana yang difikirkannya patut, tentang pelaksanaan tugas-tugasnya dan penjalanan kuasa-kuasanya dan Autoriti hendaklah melaksanakan mana-mana arahan tersebut.

(2) Autoriti hendaklah memberikan kepada Menteri maklumat berkenaan dengan pelaksanaan tugas-tugasnya dan harta dan aktiviti-aktivitinya, mengikut cara dan pada masa sebagaimana yang mungkin dikehendaki dengan munasabah oleh Menteri.

BAHAGIAN 4

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN BERKENAAN DENGAN KAKITANGAN

Lantikan Ketua Pegawai Eksekutif

10. (1) Autoriti hendaklah, dengan kebenaran Menteri, melantik seorang Ketua Pegawai Eksekutif atas terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Autoriti.

(2) Ketua Pegawai Eksekutif hendaklah —

(a) dikenali dengan jawatan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Autoriti;

(b) bertanggungjawab kepada Autoriti bagi pelaksanaan dan pengurusan yang sepatutnya tugas-tugas dan hal ehwal Autoriti menurut dasar yang ditetapkan oleh Autoriti; dan

(c) tidak boleh dipecat daripada jawatan tanpa persetujuan Menteri.

(3) Menteri hendaklah berunding dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebelum memberikan kebenarannya di bawah ceraian (1) atau sebelum memberikan persetujuannya di bawah ceraian (2)(c).

(4) Jika Ketua Pegawai Eksekutif tidak berada buat sementara di Negara Brunei Darussalam, atau tidak dapat melaksanakan kewajipan-kewajipannya buat sementara kerana sakit atau pun selainnya, orang lain boleh dilantik oleh Autoriti untuk memangku jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dalam mana-mana tempoh dia tiada bertugas.

Pengambilan kerja kakitangan

11. Autoriti boleh mengambil kerja bagi tempoh jawatan dan atas syarat-syarat perkhidmatan sebagaimana yang mungkin ditentukan oleh Autoriti pegawai,

pekerja, konsultan dan ejen lain sebagaimana yang mungkin diperlukan bagi pelaksanaan tugas-tugasnya dengan berkesan.

Perlindungan daripada liabiliti diri

12. Tiada guaman atau prosiding undang-undang lain boleh diambil sendiri terhadap mana-mana pegawai atau pekerja Autoriti atau orang lain yang bertindak di bawah arahan Autoriti kerana apa-apa jua yang dilakukan dengan suci hati atau dimaksudkan untuk dilakukan dalam melaksanakan atau dikatakan pada melaksanakan Perintah ini.

Kakitangan kerajaan

13. Semua pegawai dan pekerja Autoriti hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan bagi maksud-maksud Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).

BAHAGIAN 5

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

Dana Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan

14. Bagi maksud-maksud Perintah ini, maka ditubuhkan suatu dana yang dikenali sebagai Dana Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan yang dibayar ke dalamnya —

(a) jumlah wang sebagaimana yang mungkin dibayar kepada Autoriti daripada hasil am Negara Brunei Darussalam;

(b) jumlah wang sebagaimana yang mungkin didapatkan oleh Autoriti melalui pinjaman;

(c) segala sewa dan hasil keuntungan jualan dan pendapatan dan dana lain yang diperolehi oleh Autoriti secara langsung atau tidak langsung daripada harta kepunyaan Autoriti;

(d) semua jumlah wang lain sebagaimana yang mungkin dibayar kepada Autoriti.

Tujuan Dana

15. Dana hendaklah dibelanjakan bagi tujuan —

(a) membayar perbelanjaan yang berhubungkait dengan pentadbiran Autoriti; dan

(b) membayar atau menunaikan segala perbelanjaan, obligasi, liabiliti Autoriti, yang perlu untuk melaksanakan maksud-maksud Perintah ini dan sebarang peraturan yang dibuat di bawahnya.

Bantuan

16. (1) Menteri Kewangan hendaklah menyebabkan dibayar kepada Autoriti wang sebagaimana yang mungkin diluluskan oleh Kerajaan sebagai bantuan kepada Autoriti.

(2) Semua wang yang diperuntukkan di bawah ceraian (1) boleh digunakan atau dibelanjakan oleh Autoriti bagi semua atau mana-mana maksud Autoriti.

Kuasa menerima pemberian

17. (1) Autoriti boleh menerima sebagai geran, pemberian, pelupusan berwasiat atau pun selainnya, harta dan wang bagi membantu kewangan Autoriti atas syarat-syarat sebagaimana yang mungkin ditentukannya.

(2) Autoriti hendaklah menyimpan suatu daftar semua derma kepada Autoriti, termasuk nama-nama penderma dan apa-apa syarat khas yang atasnya apa-apa derma mungkin telah diberikan.

(3) Mana-mana harta, wang atau dana yang didermakan bagi sebarang tujuan tertentu hendaklah digunakan dan ditadbir menurut tujuan ia telah didermakan dan hendaklah dimasuk kira secara berasingan.

Kuasa meminjam dan melaburkan

18. (1) Bagi melaksanakan tugas-tugasnya di bawah Perintah ini, Autoriti boleh —

(a) mendapatkan pinjaman daripada Kerajaan; atau

(b) dengan kebenaran Menteri Kewangan, mendapatkan pinjaman daripada bank atau institusi kewangan lain (sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain) dengan —

(i) gadai janji, overdraf atau pun selainnya;

(ii) cagaran, sama ada di sisi undang-undang atau ekuiti, ke atas mana-mana harta yang terletak hak pada Autoriti atau ke atas apa-apa hasil lain yang kena diterima oleh Autoriti di bawah Perintah ini; dan

(iii) pewujudan dan penerbitan debentur, bon atau instrumen lain.

(2) Tertakluk kepada kebenaran Menteri yang akan berunding dengan Menteri Kewangan, Autoriti boleh melaburkan dananya mengikut cara sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

Laporan tahunan

19. Autoriti hendaklah, dalam masa 6 bulan selepas penghujung setiap tahun kewangan, mengemukakan kepada Menteri suatu laporan tahunan mengenai aktiviti-aktiviti Autoriti dalam tahun kewangan yang lalu, dan Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan tiap-tiap laporan tahunan tersebut dihadapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

Peruntukan-peruntukan kewangan lain

20. Peruntukan-peruntukan kewangan yang dinyatakan dalam Jadual 2 hendaklah berkuat kuasa berkenaan dengan Autoriti.

BAHAGIAN 6

AM

Kesahan perbuatan dan transaksi Autoriti

21. Kesahan suatu perbuatan atau transaksi Autoriti tidak boleh dipersoalkan dalam mana-mana mahkamah atas alasan bahawa mana-mana peruntukan Perintah ini tidak dipatuhi.

Memelihara kerahsiaan

22. (1) Kecuali bagi tujuan melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan tugas-tugasnya atau apabila dikehendaki secara sah untuk berbuat demikian oleh mana-mana mahkamah atau di bawah peruntukan-peruntukan sebarang undang-undang bertulis lain, tiada seorang pun yang menjadi atau pernah menjadi seorang pegawai, pekerja, konsultan atau ejen kepada Autoriti atau ahli suatu jawatankuasa, boleh mendedahkan apa-apa maklumat berhubung dengan hal ehwal Autoriti atau mana-mana orang lain yang telah diperolehinya dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan tugas-tugasnya.

(2) Mana-mana orang yang melanggar ceraian (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$2,000, dihukum penjara bagi suatu tempoh tidak melebihi 12 bulan atau kedua-duanya sekali.

Pindaan Jadual

23. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan perintah yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, meminda Jadual-Jadual kepada Perintah ini.

Peraturan-peraturan

24. Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, membuat peraturan-peraturan sebagaimana yang mungkin perlu atau mustahak bagi menguatkuasakan dan menjalankan peruntukan-peruntukan Perintah ini dan bagi pelaksanaannya yang sewajarnya, termasuk penetapan bayaran dan apa-apa perkara lain yang dikehendaki untuk ditetapkan atau yang boleh ditetapkan di bawah Perintah ini.

Peruntukan-peruntukan peralihan dan perkecualian

25. (1) Segala perbuatan yang dilakukan oleh Pesuruhjaya atau Timbalan Pesuruhjaya di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 (S 47/2011) hendaklah terus menjadi sah dan dikenakan seolah-olah dilakukan oleh Autoriti di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan Perintah itu sehingga masa perbuatan itu menjadi tidak sah, dimansuhkan, dibatalkan atau diputuskan selainnya oleh Autoriti.

(2) Sebarang tata amalan, keputusan, arahan, dokumen, sijil, lesen, persetujuan, notis, permit, kelulusan atau pemberian kuasa yang disediakan, dibuat, dikeluarkan, dibenarkan atau diberikan oleh Pesuruhjaya atau Timbalan Pesuruhjaya di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 (S 47/2011) hendaklah dianggap sebagai suatu tata amalan, keputusan, arahan, dokumen, sijil, lesen, persetujuan, notis, permit, kelulusan atau pemberian kuasa yang disediakan, dibuat, dikeluarkan, dibenarkan atau diberikan oleh Autoriti di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan Perintah itu.

(3) Jika apa-apa juga telah dimulakan oleh atau bagi pihak Pesuruhjaya atau Timbalan Pesuruhjaya di bawah Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 (S 47/2011), perkara itu boleh dijalankan dan diselesaikan oleh Autoriti, di bawah peruntukan-peruntukan yang bersamaan Perintah itu.

(4) Dalam bab ini —

“Pesuruhjaya” bermakna Pesuruhjaya Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja yang disebut dalam bab 7(1)/a/ dari Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 (S 47/2011) (dimansuhkan dalam Jadual 3 kepada Perintah ini);

“Timbalan Pesuruhjaya” bermakna Timbalan Pesuruhjaya Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja yang disebut dalam bab 7(1)/b/ dari Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 (S 47/2011) (dimansuhkan dalam Jadual 3 kepada Perintah ini).

Pindaan berbangkit

26. Peruntukan-peruntukan daripada undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam ruang pertama Jadual 3 adalah dipinda mengikut cara yang dinyatakan dalam ruang kedua Jadual itu.

JADUAL 1
(bab-bab 8(1) dan 23)

KUASA AUTORITI

1. Menetapkan dan melaksanakan dasar pengawal seliaan, strategi, langkah, piawaian atau apa-apa kehendak lain mengenai apa-apa perkara yang berkaitan atau berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan tempat kerja, perlindungan alam sekitar, kawalan radiasi dan hal perkara lain sebagaimana yang mungkin perlu bagi pelaksanaan tugas-tugas Autoriti.
2. Membuat kontrak sebagaimana yang mungkin perlu atau mustahak bagi maksud melaksanakan tugas-tugasnya.
3. Menjadi ahli atau ahli gabungan mana-mana badan antarabangsa, yang tugas atau tujuannya sama atau berhubungan dengan tugas atau tujuan Autoriti.
4. Mengadakan dan mentadbir sistem atau skim sebagaimana yang mungkin dianggap perlu atau mustahak oleh Autoriti bagi pelaksanaan tugas-tugasnya.
5. Melibatkan diri dalam apa-apa aktiviti, sama ada bersendirian atau bersama dengan mana-mana organisasi atau agensi lain, sama ada tempatan atau antarabangsa, yang berhubungan dengan atau yang berfaedah pada pelaksanaan tugas-tugasnya.
6. Memberi khidmat nasihat, konsultansi dan maklumat mengenai apa-apa perkara yang berkaitan dengan tugas-tugasnya.
7. Menentukan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, semua tanda pengiktirafan, perakuan atau pemeriksaan Autoriti untuk digunakan berkenaan dengan apa-apa tugas Autoriti, dan mengawal penggunaan tanda tersebut.
8. Mengawal selia, mengiktiraf atau memperakui mana-mana orang untuk menjalankan apa-apa ujian, kajian, aktiviti atau perkhidmatan yang berkaitan atau berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan tempat kerja, perlindungan alam sekitar dan kawalan radiasi.
9. Meminta maklumat daripada dan berkolaborasi atau bekerjasama dengan mana-mana orang, sama ada di Negara Brunei Darussalam atau di tempat lain, mengenai perkara-perkara yang berkaitan atau berhubungan dengan keselamatan dan kesihatan tempat kerja, perlindungan alam sekitar dan kawalan radiasi.
10. Mengenakan bayaran bagi pengeluaran apa-apa lesen, sijil atau kelulusan, dan bayaran, caj atau komisen bagi perkhidmatan yang diberikan oleh Autoriti atau bagi penggunaan mana-mana kemudahan Autoriti.

JADUAL 2
(bab-bab 20 dan 23)

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KEWANGAN

Tahun kewangan

1. Tahun kewangan Autoriti hendaklah bermula pada 1hb April tiap-tiap tahun dan berakhir pada 31hb Mac tahun berikutnya.

Bajet

2. (1) Autoriti hendaklah menyediakan bajet tahunannya, yang akan diluluskan oleh Menteri.

(2) Maka hendaklah dilaporkan dalam bajet tahunan itu segala hasil dan pendapatan yang diunjurkan akan dijana oleh Autoriti atau diberikan kepada Autoriti daripada mana-mana sumber berserta dengan unjuran perbelanjaan, termasuk susut nilai dan peruntukan-peruntukan bagi kerugian.

(3) Autoriti hendaklah kemudiannya menyebabkan satu salinan bajet yang diluluskan itu dihantar kepada Menteri Kewangan tidak lewat daripada 60 hari sebelum bermulanya tahun kewangan baru.

(4) Menteri Kewangan hendaklah menghadapkan satu salinan bajet yang diluluskan itu, berserta dengan syornya kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, untuk diperkenankan.

Penyata akaun dan kewangan

3. (1) Autoriti hendaklah menyimpan akaun dan rekod yang sepatutnya mengenai transaksi dan hal ehwalnya dan hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk memastikan bahawa semua pembayaran daripada wangnya dibuat dengan betul dan dibenarkan dengan sepatutnya dan bahawa kawalan yang mencukupi diselenggarakan ke atas aset, atau dalam jagaan, Autoriti dan ke atas perbelanjaan yang dilakukan olehnya.

(2) Autoriti hendaklah, dengan seberapa segeranya selepas penutup setiap tahun kewangan, menyebabkan penyata kewangan bagi tahun itu disediakan dan dikemukakan kepada juruaudit Autoriti.

Audit

4. (1) Penyata akaun dan kewangan Autoriti hendaklah diaudit pada setiap tahun oleh —

(a) Juruaudit Agung; atau

(b) mana-mana orang yang telah diberi kuasa untuk melaksanakan kewajipan-kewajipan yang dikehendaki oleh Akta Syarikat (Penggal 39) untuk dilaksanakan oleh seorang juruaudit, yang akan dilantik pada setiap tahun oleh Autoriti:

Dengan syarat bahawa jika akaun Autoriti telah diaudit oleh orang yang dilantik di bawah perenggan kecil (b), akaun itu boleh disahkan oleh Juruaudit Agung sebelum ia dikemukakan kepada Menteri Kewangan menurut perenggan 6(1).

(2) Juruaudit itu hendaklah dalam laporannya menyatakan —

(a) sama ada penyata kewangan itu menunjukkan secara wajar transaksi kewangan dan keadaan hal ehwal Autoriti;

(b) sama ada rekod perakaunan dan rekod lain yang sepatutnya telah disimpan, termasuk rekod semua aset Autoriti sama ada dibeli, didermakan atau pun selainnya;

(c) sama ada wang masuk, perbelanjaan dan pelaburan wang dan perolehan dan pelupusan aset oleh Autoriti dalam tahun kewangan adalah menurut peruntukan-peruntukan Perintah ini; dan

(d) perkara lain yang timbul daripada audit sebagaimana yang dianggapnya perlu.

Kuasa juruaudit

5. (1) Juruaudit itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya adalah berhak pada setiap masa yang munasabah mendapat akses penuh dan bebas kepada semua rekod perakaunan dan rekod lain, secara langsung atau tidak langsung, berkaitan dengan transaksi kewangan Autoriti.

(2) Juruaudit itu atau orang yang diberi kuasa olehnya boleh membuat salinan, atau membuat cabutan daripada, mana-mana rekod perakaunan dan rekod lain itu.

(3) Juruaudit itu atau mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya boleh menghendaki mana-mana orang untuk memberikan kapadanya maklumat yang dimiliki atau dapat diakses oleh orang itu sebagaimana yang dianggap perlu oleh juruaudit itu atau mana-mana orang yang telah diberi kuasa bagi maksud tugas-tugas juruaudit itu di bawah Perintah ini.

(4) Mana-mana orang yang enggan atau gagal tanpa sebab sebab yang munasabah untuk memberikan juruaudit itu akses kepada mana-mana rekod perakaunan dan rekod lain Autoriti yang dalam jagaan atau kuasanya atau memberikan apa-apa maklumat yang dimiliki olehnya apabila dan jika

dikehendaki atau yang selainnya mengadang, menghalang atau melambatkan juruaudit itu dalam melaksanakan kewajipan-kewajipannya atau menjalankan kuasa-kuasanya di bawah Perintah ini adalah melakukan suatu kesalahan dan boleh jika sabit kesalahan dikenakan suatu denda tidak melebihi \$1,000 dan, dalam hal suatu kesalahan yang berterusan, dikenakan suatu denda tambahan tidak melebihi \$100 bagi setiap hari atau sebahagiannya selama mana kesalahan itu berterusan selepas disabitkan.

Pengemukaan penyata kewangan dan laporan beraudit

6. (1) Sebaik sahaja akaun Autoriti dan penyata kewangan telah diaudit menurut Perintah ini dan dalam sebarang hal tidak lewat daripada 6 bulan selepas berakhirnya tahun kewangan, satu salinan akaun dan penyata kewangan yang diaudit itu, berserta dengan satu salinan laporan yang dibuat oleh juruaudit itu, hendaklah dikemukakan kepada Menteri Kewangan.

(2) Jika Juruaudit Agung tidak dilantik sebagai juruaudit, satu salinan akaun dan penyata kewangan yang diaudit itu dan apa-apa laporan yang dibuat oleh juruaudit itu hendaklah dikemukakan kepada Juruaudit Agung pada masa yang sama dengan masa ia dikemukakan kepada Autoriti.

(3) Menteri hendaklah menyebabkan satu salinan akaun dan penyata kewangan yang diaudit itu dan laporan juruaudit itu dihadapkan kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan.

JADUAL 3
(bab 26)

PINDAAN BERBANGKIT KEPADA UNDANG-UNDANG BERTULIS LAIN

Ruang pertama

Ruang kedua

1. Perintah Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja, 2009 (S 47/2011)

- | | |
|----------|---|
| Bab 4(1) | i. Dalam takrifan “pegawai yang diberi kuasa” potong “7(3)” dan gantikan dengan “7(2)”. |
| | ii. Masukkan sejurus selepas takrifan “pegawai yang diberi kuasa” takrifan baru yang berikut —
“ “Autoriti” bermakna Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan yang ditubuhkan oleh bab 3 dari Perintah Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan, 2018;”. |
| | iii. Potong takrifan “Pesuruhjaya”. |

- iv. Potong takrifan “Timbalan Pesuruhjaya”.
- v. Dalam takrifan “pemeriksa”, potong “7(3) dan termasuk Pesuruhjaya dan mana-mana Timbalan Pesuruhjaya” dan gantikan dengan “7(2)”.
- vi. Dalam takrifan “Menteri”, potong “Hal Ehwal Dalam Negeri” dan gantikan dengan “yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan Perintah Autoriti Keselamatan, Kesihatan dan Alam Sekitar Kebangsaan, 2018”.

Bab 7

- i. Mansuhkan dan gantikan dengan bab baru yang berikut —

“Autoriti dan pegawai yang diberi kuasa

7. (1) Menteri boleh, dengan titah perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan, dengan pemberitahuan yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan*, melantik seseorang atau kumpulan orang sebagaimana yang difikirkannya patut menjadi Autoriti yang bertanggungjawab bagi pelaksanaan Perintah ini, dan boleh dalam pemberitahuan itu menyatakan takat dan cara bagaimana tanggungjawab itu akan dijalankan.

(2) Autoriti boleh melantik sebilangan orang sebagai pemeriksa, dan sebilangan orang lain sebagai pegawai yang diberi kuasa, sebagaimana yang mungkin perlu untuk membantu Autoriti dalam pelaksanaan Perintah ini.”.

Bab 8

Mansuhkan dan gantikan dengan bab baru yang berikut —

“Kakitangan kerajaan

8. Semua pegawai dan pekerja Autoriti, pemeriksa dan pegawai yang diberi kuasa hendaklah dianggap sebagai kakitangan kerajaan dalam makna, dan bagi maksud-maksud, Kanun Hukuman Jenayah (Penggal 22).”.

Bab 14

Masukkan sejurus selepas bab 14 bab baru yang berikut —

“Kewajipan tambahan prinsipal berkenaan dengan kontraktor

14A. (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap prinsipal untuk mengambil, seboleh-bolehnya dengan munasabah, langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa mana-mana kontraktor yang diguna khidmat oleh prinsipal itu —

(a) mempunyai kepakaran yang diperlukan untuk menjalankan kerja yang kontraktor itu diguna khidmat oleh prinsipal itu untuk melakukannya; dan

(b) mengambil langkah-langkah keselamatan dan kesihatan yang memadai berkenaan dengan apa-apa jentera, kelengkapan, loji, barang atau proses yang digunakan, atau akan digunakan, oleh kontraktor itu atau mana-mana pekerja yang digaji oleh kontraktor itu.

(2) Kewajipan yang dikenakan kepada tiap-tiap prinsipal di bawah ceraian (1)(a) termasuk memastikan bahawa kontraktor yang diguna khidmat oleh prinsipal itu dan mana-mana pekerja kontraktor itu —

(a) mempunyai pengalaman dan latihan yang mencukupi untuk menjalankan kerja yang kontraktor itu diguna khidmat oleh prinsipal itu untuk melakukannya; dan

(b) telah memperolehi apa-apa lesen, permit, sijil atau sebarang dokumen lain yang perlu untuk menjalankan kerja yang kontraktor itu diguna khidmat oleh prinsipal itu untuk melakukannya.

(3) Kewajipan yang dikenakan kepada tiap-tiap prinsipal di bawah ceraian (1)(b) termasuk memastikan bahawa kontraktor yang diguna khidmat oleh prinsipal itu —

(a) telah menjalankan suatu penilaian risiko berkenaan dengan risiko keselamatan dan kesihatan yang ditimbulkan kepada mana-mana orang yang mungkin terjejas oleh kerja yang kontraktor itu diguna khidmat oleh prinsipal itu untuk melakukannya; dan

(b) telah memberitahu mana-mana orang yang mungkin terjejas oleh kerja yang kontraktor itu diguna khidmat oleh prinsipal itu untuk melakukannya mengenai jenis risiko yang terbabit dalam kerja tersebut dan apa-apa langkah atau prosedur kerja selamat yang dilaksanakan di tempat kerja.

(4) Dalam apa-apa prosiding kerana suatu kesalahan di bawah bab ini, tidaklah menjadi suatu pembelaan bagi prinsipal itu untuk membuktikan bahawa dia telah mengambil, seboleh-bolehnya dengan munasabah, langkah-langkah yang perlu untuk memastikan pematuhan bab ini semata-mata dengan mengadakan peruntukan secara langsung atau tidak langsung, atas suatu terma dalam suatu kontrak dengan kontraktornya, bahawa kontraktor itu telah mematuhi atau akan mematuhi kehendak-kehendak yang disebut dalam ceraian (1)(a) atau (b).

(5) Dalam bab ini, “penilaian risiko” bermakna proses menilai kemungkinan dan akibat dari kecederaan atau penyakit yang timbul daripada pendedahan kepada sesuatu bahaya yang dikenal pasti, dan menentukan langkah yang bersesuaian bagi kawalan risiko.

(6) Tiada sebarang apa pun dalam bab 14 mengehadkan kewajipan seorang prinsipal di bawah bab ini.”.

BAHAGIAN V
(tajuk Bahagian)

Bab 21(5)

Bab 23(1)

Potong “PESURUHJAYA” dan gantikan dengan “PENGUATKUASAAN”.

Mansuhkan.

- i. Potong “jika difikirkannya patut” dari baris pertama dan gantikan dengan “jika difikirkan patut oleh Autoriti”.

	ii. Potong “nya” dari baris kedua dan gantikan dengan “Autoriti”.
Bab 24	Potong “dia” dari baris kedua dan gantikan dengan “Autoriti”.
Bab 31(4)	Potong “nya” dari baris kedua dan gantikan dengan “oleh Autoriti”.
Bab 33(2)	Potong “dia” dari baris kedua dan gantikan dengan “Autoriti”.
Bab 35(1)/a)	Potong “dia” dari baris pertama dan gantikan dengan “Autoriti”.
Bab 35(1)/b)	Potong “dia” dan gantikan dengan “Autoriti”.
Bab 35(2)/a)	Potong “niatnya” dan gantikan dengan “niat Autoriti”.
Bab 39(1)/a)	Potong “dia” dari baris kedua dan gantikan dengan “Autoriti”.
Bab 55(1)	Potong “Pesuruhjaya atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis olehnya” dari baris pertama dan gantikan dengan “Autoriti atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Autoriti”.
Bab 60(1)/b)	Potong.
Bab 60(3)	Potong “Pesuruhjaya atau mana-mana Timbalan Pesuruhjaya” dari baris kedua dan gantikan dengan “Autoriti”.
Semua bab yang dikenakan	Potong “Pesuruhjaya” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Perintah itu dan gantikan dengan “Autoriti”.
2. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Kesalahan Boleh Kompaun), 2009 (S 54/2009)	
Peraturan 2	Potong “Pesuruhjaya” dan gantikan dengan “Autoriti”.
3. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Peruntukan-Peruntukan Am), 2014 (S 34/2014)	
Semua peraturan yang dikenakan	Potong “Commissioner” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Peraturan-Peraturan itu dan gantikan dengan “Authority”.

4. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pembinaan), 2014 (S 35/2014)
- | | |
|--------------------------------|--|
| Peraturan 2(1) | Potong “Commissioner for his” dan gantikan dengan “Authority for the Authority’s”. |
| Semua peraturan yang dikenakan | Potong “Commissioner” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Peraturan-Peraturan itu dan gantikan dengan “Authority”. |
5. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pegawai Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja), 2014 (S 36/2014)
- | | |
|--------------------------------|--|
| Peraturan 2(1) | Potong “Commissioner for his” dan gantikan dengan “Authority for the Authority’s”. |
| Semua peraturan yang dikenakan | Potong “Commissioner” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Peraturan-Peraturan itu dan gantikan dengan “Authority”. |
6. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja), 2014 (S 37/2014)
- | | |
|--------------------------------|--|
| Semua peraturan yang dikenakan | Potong “Commissioner” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Peraturan-Peraturan itu dan gantikan dengan “Authority”. |
|--------------------------------|--|
7. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pelaporan Kejadian), 2014 (S 38/2014)
- | | |
|--------------------------------|--|
| Semua peraturan yang dikenakan | Potong “Commissioner” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Peraturan-Peraturan itu dan gantikan dengan “Authority”. |
|--------------------------------|--|
8. Peraturan-Peraturan Keselamatan dan Kesihatan Tempat Kerja (Pengurusan Risiko), 2014 (S 39/2014)
- | | |
|--------------------------------|--|
| Peraturan 5(1)/b) | Potong “Commissioner when required by him” dan gantikan dengan “Authority when required by the Authority”. |
| Semua peraturan yang dikenakan | Potong “Commissioner” di mana sahaja perkataan itu terdapat dalam Peraturan-Peraturan itu dan gantikan dengan “Authority”. |

WARTA KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Diperbuat pada hari ini 26 haribulan Muharram, Tahun Hijrah 1440 bersamaan dengan 6 haribulan Oktober, 2018 di Istana Nurul Iman Beta, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**